

07 AUG 2002

LEBIH 20,000 DIJANGKA SERTAI PERHIMPUNAN BERSAMA PM DI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 7 Ogos (Bernama) -- Lebih 20,000 orang dijangka menyertai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam program Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Telanai, Marang 16 Ogos ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Idris Jusoh berkata program itu yang diatur sempena lawatan sehari Dr Mahathir ke Terengganu akan bermula pukul 9 pagi.

"Kita jangka rakyat Terengganu agar hadir beramai-ramai pada program tersebut untuk bertemu dan mendengar penerangan yang akan diberikan oleh pemimpin negara kita," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri bersama isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail di sini pada pukul 8.45 pagi.

Katanya, selepas program Pemimpin Bersama Rakyat, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan tengahari bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) Terengganu di sebuah hotel terkemuka di sini.

Idris berkata selepas solat Jumaat, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin UMNO negeri sebelum merasmikan Rumah Nelayan di Kampung Tok Jembal, di sini pada pukul 3.30 petang.

Pada sebelah malam pula, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan malam bersama pemimpin politik dan badan bukan kerajaan (NGO) sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA  
AYB SN ROS